



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Assalamualaikum

Saya ada satu soalan :

Jika ada sebuah company MLM(A) dari luar Negara dan mereka terang-terang memaparkan philosophy perniagaan mereka sebagai “Business As Mission” untuk Missionary Kristianisasi, kemudian mereka buka cawangan di Malaysia dengan membawa Philosophy berbeza mengikut undang-undang di Malaysia, namun 100% Shareholdernya adalah company MLM(A) dari luar Negara tersebut. Apakah hukum seorang beragama Islam bermuamalat dengan company syarikat di Malaysia yang syarikat Induk dan Major shareholdernya yang terang-terang mengakui membawa Missionary Kristianisasi?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ berserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Dalam sebuah negara Islam, orang bukan islam diberikan hak untuk menjalankan perniagaan atau segala muamalatnya dengan orang islam dan mengamalkan agama mereka. Para ulama pula

telah bersepakat bahawa mereka boleh melakukan apa sahaja syiar agama di tempat ibadat mereka, tidak secara terbuka. Lantaran itu, sebarang perkara yang berkaitan dengan peribadatan mereka, maka hendaklah kerajaan Islam memberikan kemudahan atau sebagainya. Namun begitu timbul persoalan, adakah boleh bermuamalat dengan mereka yang terang-terang membawa syiar mereka iaitu Missionary Kristianisasi? Perkara ini menjadi perdebatan ulama, sejak dahulu sehingga kini. Dalam mengupas hal ini, terdapat dua pandangan ulama :

1. Sebahagian ulama mazhab Hanafi **mengharuskan** kaum Muslimin terlibat dalam bermuamalah (jual beli) hatta membina dan bekerja di gereja.
 - i. Ibn ‘Abidin menyebut akan **keharusan** seorang Muslim bermuamalah dan bekerja di gereja serta terlibat dalam proses pembinaan, kerana pekerjaan itu sendiri bukanlah satu maksiat. (Rujuk Hasyiyah Ibn ‘Abidin 6/391)
 - ii. Ibn Nujaim pula menyatakan **keharusan** orang Islam berjualbeli dan menerima upah membina gereja dan upah itu halal baginya. (Rujuk Al-Bahr ar-Ra’iq Syarh Kanz ad-Daqa’iq, 8/23)

2. Majoriti ulama mazhab Maliki dan Syafie menyatakan **pengharaman** keterlibatan orang Islam dalam pembinaan gereja.
 - i. Imam Malik Muhammad Hattab menyatakan bahawa seorang Muslim **tidak boleh terlibat** dalam pembinaan gereja, penternakan babi atau kilang arak, dan dihukum bagi Muslim yang terlibat dengan hal yang demikian. (Lihat Mawahib al-Jalil Syarh Mukhtasar al-Khalil, 5/424)
 - ii. Diriwayatkan bahawa Imam Malik **mengharamkan** bekerja dalam pembinaan gereja, kerana ia termasuk dalam perkara yang diharamkan Allah SWT. Pengharaman ini juga kata Imam Malik termasuk menyewakan dan menjual rumah atau bangunan untuk dijadikan gereja. (Lihat Al-Mudawwanah al-Kubra, 3/435)
 - iii. Diriwayatkan bahawa Al-Imam as-Syafi’e berkata bahawa beliau **membenci** seorang Muslim yang bekerja sebagai tukang bina gereja atau pekerjaan yang berkaitan dengan rumah ibadat orang-orang kafir. (Lihat Al-Umm, 4/213)
 - iv. Syeikh Qalyubi pula menyatakan **pengharaman** terlibat dengan membina gereja seperti menyumbang harta bagi tujuan tersebut, kecuali dalam hal-hal darurat.

Urusan pembinaan gereja ini disamakan dengan pengajian kitab Taurat dan Injil serta melukis gambar-gambar haiwan yang dilarang penglibatan padanya. (Rujuk Hasyiyah Qalyubi wa ‘Umairah ‘ala Syarh al-Mahalli ‘ala al-Minhaj, 3/71)

- v. Ibn Hajar al-Haitami pula menyatakan bahawa jika seorang Muslim berwakaf pada perkara yang maksiat seperti membina gereja, maka **wakaf itu terbatal dan tidak sah**. (Rujuk Tuhfatul Muhtaj, 6/246)
- vi. Imam Ibnul Qayyim **mengharamkan** menyewa bilik atau bangunan untuk dijadikan gereja atau rumah sembah api kaum Majusi. (Lihat Ahkam Ahl az-Dzimmah, hal. 582)

Tarjih Syeikh Dr. Yusof al-Qaradhawi berdasarkan dua pandangan ulama di atas.

Dr. Yusof al-Qaradhawi telah berfatwa akan **keharusan** bagi kaum Muslimin untuk terlibat dalam jual beli dan pembinaan gereja. Beliau telah ditanya akan hukum bagi kaum Muslimin yang terlibat dalam proses bidaan / menerima tender pembinaan rumah ibadat non-Muslim dan hukum mengambil manfaat dari keuntungan projek tersebut.

Beliau mentarjihkan pandangan sebahagian ulama mazhab Hanafi yang **mengharuskan** keterlibatan Muslim dalam pembinaan gereja dan rumah ibadat lain, walaupun beliau turut memperingatkan bahawa terdapat ramai ulama yang mengharamkan hal yang demikian berbanding yang mengharuskannya.[1]

Menurut beliau, ulama yang mengharamkan keterlibatan Muslim dalam jualbeli yang akan menguatkan gereja berdalilkan ayat al-Qur’an dalam surah al-Ma’idah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.*

Menurut mereka, terlibat dalam mengukuhkan kewangan gereja bererti membantu perlakuan kufur mereka dan mengagungkan syiar-syiar bathil mereka. Ia juga satu akad yang melibatkan manfaat yang diharamkan (manfa’ah muharramah) yang wajib dijauhi dan dihapuskan.

Kesimpulan

Setelah kami menghalusi pandangan para ulama dan sebahagian dalil, jabatan ini berpandangan **haram** hukumnya jika orang Islam terlibat dalam urusan muamalat bagi mengukuhkan institusi gereja atau rumah ibadat agama lain, sebagaimana yang dipegang oleh majoriti ulama.

Kerana hal ini berasaskan kepada firman Allah ﷻ dalam surah Asy-Syura ayat 21;

أَمْ لَهُمْ شُرَكَوَا شَرَعُوا لَهُمْ مِّنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنَ بِهِ اللَّهُ وَآوَلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: "Apakah mereka mempunyai sembahhan-sembahhan selain Allah yang mensyariatkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan Allah? Sekiranya tak ada ketetapan yang menentukan (dari Allah) tentulah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan memperoleh azab yang amat pedih"

Firman Allah ﷻ lagi di akhir surah surah Al-kaafirun :

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya: "bagi kamu, agama kamu. Bagiku, agamaku"

Membantu atau mengambil upah membina gereja (walaupun melalui bermuamalat dengan mereka, setelah mengetahui dan terbukti mereka terang-terang membawa syiar mereka iaitu Missionary Kristianisasi) adalah tindakan yang menggambarkan perkongsian dengan sembahhan selain Allah ﷻ. Sudah pasti, ia boleh membawa kepada kekufuran (atau murtad). Bahkan dalam menjalani kehidupan masyarakat pelbagai agama ini, perlunya ada perbezaan dari sudut akidah, tidak boleh disamakan.

Hal ini juga berdasarkan kaedah yang mengarahkan seseorang Muslim itu agar memelihara dirinya daripada terjebak dalam sebarang perkara yang boleh menyebabkan timbulnya salah faham terhadap dirinya sendiri (perkara yang meragui) :

"اتَّقُوا مَوَاضِعَ التُّهْمِ"

Maksudnya: *Berhati-hatilah kalian dengan ruang-ruang tohmahan.*

Kaedah ini diambil daripada kata-kata Saidina Umar RA,

"مَنْ سَلَكَ مَسَالِكَ التُّهْمِ اتُّهِمَ"

Maksudnya: *Barangsiapa yang menempuhi, laluan-laluan tohmahan, akan ditohmah.*

Apa jua perkara yang berisiko menimbulkan fitnah, hendaklah sedaya upaya dielakkan kerana ia akan memberi kesan yang buruk baik untuk jangka masa pendek mahupun panjang.

Kami juga berpesan agar kita sama-sama mengingati pesan Nabi SAW berkenaan rezeki yang halal:

"إِنَّ الْحَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ"

Maksudnya: *Sesungguhnya perkara yang halal dan haram itu jelas, manakala antara keduanya ada perkara-perkara yang syubhah, yang tidak jelas hukumnya.* Sunan Abi Daud (3329)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ الْمُنَاطِبِ

Rujukan :

1. Terjemahan Al-Quran
2. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3000-al-kafi-1033>
3. <https://www.al-qaradawi.net/node/4225>
4. <https://archive.islamonline.net/?p=387><https://archive.islamonline.net/?p=387>
5. Hasyiyah Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli 'ala al-Minhaj